



ROHA (duduk, enam dari kanan) merakamkan gambar kenangan bersama Exco Tertinggi dan ahli Kesumba.

Kesumba anjur Mesyuarat Agung Tahunan Ke-21

UB 5.9.2018 B2

KOTA KINABALU: Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (Kesumba) telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ke-21 di Dewan Auditorium Pascasiswazah, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Mesyuarat yang dipengerusikan Timbalan Pendaftar UMS Norty Sirin itu menyaksikan seramai 138 ahli hadir, selain beberapa

kakitangan wanita UMS turut mendaftar sebagai ahli baharu.

Terdahulu, Yang Dipertua Kesumba Datin Roha Asmara pada majlis itu mengambil kesempatan menyampaikan ucapan Aidilfitri kepada semua barisan Exco Tertinggi Kesumba dan seluruh ahli Kesumba yang hadir pada mesyuarat agung kali ini.

“Setinggi-tinggi syabas

dan tahniah kepada ahli jawatankuasa pelaksana dan semua ahli atas komitmen dan dedikasi yang tinggi sehingga mesyuarat ini dapat diadakan mengikut takwim yang telah ditetapkan.

“Harapan saya agar kerjasama dan komitmen yang tidak berbelah bahagi di antara ahli Kesumba dalam menjayakan aktiviti yang dilaksanakan oleh kelab

mampu memberi impak yang positif kepada ahli sekali gus meningkatkan ukhuwah sesama ahli kelab,” katanya.

Turut hadir pada mesyuarat itu, Ketua Jabatan Pendidikan Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Dr Aza Sherin Mohamad Yusuff dan Ketua Pejabat Canselori, Jabatan Canselori Stella @ Nurul Martini Gontol.